



TERMA RUJUKAN PANEL PAKAR MODUL LATIHAN (PPML)

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Tujuan Terma Rujukan ini diwujudkan sebagai panduan dan rujukan bagi melaksanakan peranan menyokong Jawatankuasa Teknikal Latihan dan Pembangunan JKTLP menilai kualiti Modul Latihan Institut Aminuddin Baki (IAB).
- 1.2 PPML ditubuhkan daripada mandat Lembaga Pengajian Bil. 2/2021 bertarikh 25 Mei 2021.
- 1.3 PPML menjadi pemangkin kepada usaha untuk memperkasa modul Latihan IAB supaya memberi impak terhadap peserta yang terdiri daripada pemimpin sekolah dan pemimpin sistem.

2. DEFINISI

Individu yang dikenal pasti mempunyai kepakaran dalam bidang reka bentuk dan penyampaian modul latihan, serta merupakan sumber rujukan dalam bidang Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan (ELM).

3. Fungsi

Membantu Jawatankuasa Teknikal Latihan dan Pembangunan JKTLP dalam proses mengawal kualiti reka bentuk modul latihan IAB.

4. Senarai Tugas

- 4.1 Pembaca dan penyemak Modul Latihan IAB sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat JKTLP.

SULIT

- 4.2 Memberi cadangan penambahbaikan sebelum dibenteng dalam Mesyuarat JKTLP di peringkat reka bentuk modul baharu, semakan modul dan kelulusan rintis.
- 4.3 Memberikan khidmat nasihat kepada Jawatankuasa Teknikal Latihan dan Pembangunan JKTLP semasa permohonan kelulusan rintis dan samada sesuatu modul boleh diangkat sebagai Modul Latihan baharu IAB setelah laporan rintis dibentangkan.
- 4.4 Membantu Ketua Pusat/Pengarah Cawangan memantau dan mengesahkan pelaksanaan di peringkat rintis selepas kelulusan rintis supaya selaras dengan pukat latihan modul berkenaan.

5. KEAHLIAN

Ahli Pasukan Panel Pakar Modul Latihan IAB boleh terdiri daripada pensyarah-pensyarah yang memenuhi salah satu atau lebih (mana-mana satu) kriteria berikut:

- i. Pensyarah Cemerlang 52/54/Gred Khas C
- ii. Certified Master Trainer IAB (CMT)
- iii. Pensyarah dengan kepakaran tertentu yang diperaku oleh IAB
- iv. Individu di luar organisasi yang mempunyai kepakaran (mengikut keperluan).

6. BIDANG TUGAS

Memberi khidmat nasihat, maklum balas dan cadangan penambahbaikan berkaitan modul yang digubal kepada urus setia Jawatankuasa Teknikal Latihan dan Pembangunan (JKTLP).

7. BIDANG KUASA

- 7.1 Pengarah IAB mempunyai kuasa dan autoriti untuk meminda perkara yang dinyatakan dalam terma rujukan ini sekiranya terdapat percanggahan dengan dasar dan peraturan sedia ada, undang-undang serta perlembagaan.

SULIT

- 7.2 Pengarah IAB mempunyai kuasa khas untuk membuat keputusan dalam bidang yang berkaitan seperti yang telah dinyatakan dalam terma rujukan ini tanpa perlu merujuk kepada ahli jika sesuatu perkara atau kes tersebut bertaraf **SEGERA** atau **KRITIKAL** untuk kepentingan kerajaan.